



## FAQ PELUASAN SKOP PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO

---

### 1. APAKAH ITU PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO?

PSP PERKESO yang dilancarkan pada 27 April 2020 adalah program saringan COVID-19 yang dijalankan kepada pekerja-pekerja warga asing dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan serta tertakluk kepada garis panduan yang disediakan oleh PERKESO.

### 2. APAKAH OBJEKTIF PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO?

PSP PERKESO adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan mengawal penularan wabak COVID-19 dalam industri yang mula beroperasi semasa atau selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

### 3. SIAPAKAH YANG LAYAK MENJALANI SARINGAN COVID-19 DI BAWAH PSP PERKESO?

PSP PERKESO adalah dikhususkan kepada **pekerja warga asing** yang mencarum dengan PERKESO dan bekerja dalam **sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan** di **Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja**. Saringan ditumpukan kepada kedua-dua sektor ini berdasarkan risiko jangkitan COVID-19 yang lebih tinggi dalam sektor-sektor tersebut dan juga selaras dengan arahan Kerajaan untuk menjalankan saringan bersasar.

**4. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA PEKERJA WARGA ASING BELUM MENDAFTAR ATAU MENCARUM DENGAN PERKESO?**

Majikan perlu mendaftarkan pekerjanya di dalam Portal ASSIST PERKESO di <https://assist.perkeso.gov.my> sebelum melayakkan mereka menjalani ujian saringan COVID-19 di bawah PSP PERKESO.

**5. ADAKAH PSP PERKESO TERHAD KEPADA UMUR PEKERJA TERTENTU?**

Tiada had umur bagi saringan ini.

**6. APAKAH JENIS UJIAN SARINGAN COVID-19 YANG DIGUNAKAN UNTUK PSP PERKESO?**

Ujian saringan COVID-19 yang ditawarkan di bawah PSP PERKESO adalah menggunakan kaedah *Reverse Transcriptase-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) sebagaimana pengesyoran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**7. ADAKAH KEPUTUSAN PSP SULIT?**

Keputusan saringan adalah SULIT dan hanya diketahui oleh pekerja, klinik atau hospital sahaja.

**8. BAGAIMANAKAH MAJIKAN DALAM SEKTOR PEMBINAAN DAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BOLEH MENDAPATKAN SARINGAN COVID-19?**

Majikan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Selangor dan Kuala Lumpur hendaklah menghubungi sendiri klinik atau hospital yang menawarkan perkhidmatan saringan COVID-19 yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Majikan hendaklah menanggung kos saringan terlebih dahulu dan kemudian membuat tuntutan subsidi kepada PERKESO setelah proses saringan disempurnakan.

**9. ADAKAH SARINGAN BOLEH DIJALANKAN DI PREMIS MAJIKAN?**

Majikan boleh berbincang dengan klinik/ hospital yang menawarkan saringan untuk mengetahui sama ada saringan boleh dilakukan di tempat kerja. Kemudahan ini adalah bergantung kepada keupayaan dan kesesuaian klinik/hospital.

**10. BERAPAKAH LAMA TEMPOH UNTUK MEMPEROLEHI KEPUTUSAN UJIAN SARINGAN PEKERJA?**

Tempoh untuk memperolehi keputusan adalah bergantung kepada kapasiti dan kemampuan makmal yang digunakan oleh klinik/hospital terbabit. Majikan perlu berhubung dengan klinik/ hospital yang menyediakan perkhidmatan saringan untuk mengetahui tempoh keputusan boleh diperolehi.

**11. APAKAH DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA OLEH PEKERJA SEMASA SARINGAN PSP PERKESO?**

Pekerja perlu membawa dokumen pengenalan diri (pasport) bagi tujuan pengesahan oleh klinik/ hospital.

**12. BERAPAKAH SUBSIDI YANG AKAN DIBAYAR OLEH PERKESO UNTUK SARINGAN SEORANG PEKERJA MELALUI SUBSIDI PSP PERKESO?**

PERKESO akan membayar jumlah subsidi saringan sehingga **RM150** bagi setiap pekerja warga asing dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekiranya kos saringan yang dilakukan majikan bersama klinik/ hospital melebihi subsidi yang diberikan PERKESO, majikan perlu menanggung lebihan kos tersebut.

**13. ADAKAH MAJIKAN DI SEKTOR-SEKTOR SELAIN DARIPADA SEKTOR PEMBINAAN DAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI**

## **SELANGOR DAN KUALA LUMPUR BOLEH MELAKUKAN SARINGAN COVID-19?**

Majikan bagi sektor yang tidak tersenarai di bawah PSP boleh menjalankan saringan COVID-19 untuk pekerja masing-masing tetapi kos saringan adalah di bawah tanggungan majikan sepenuhnya.

## **14. BAGAIMANAKAH SUBSIDI DIBAYAR KEPADA MAJIKAN YANG LAYAK?**

Majikan hendaklah menjalankan saringan dengan menggunakan perkhidmatan klinik/ hospital yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kos saringan tersebut hendaklah ditanggung oleh majikan terlebih dahulu. Majikan kemudiannya boleh membuat tuntutan untuk subsidi saringan dengan mengemukakan resit yang dikeluarkan oleh klinik/ hospital yang menjalankan saringan tersebut berserta senarai pekerja yang disaring. Garis panduan tuntutan boleh diperolehi di laman sesawang **psp.perkeso.gov.my** yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

## **15. ADAKAH MAJIKAN BOLEH MEMBUAT TUNTUTAN SUBSIDI BAGI SARINGAN YANG DIJALANKAN SEBELUM 1 JUN 2020?**

PERKESO hanya akan memberi subsidi untuk saringan yang dijalankan melalui klinik/hospital mulai **1 Jun 2020**.

## **16. BILAKAH PSP PERKESO AKAN DITAMATKAN?**

PERKESO berhak menamatkan PSP pada bila-bila masa tanpa perlu mengeluarkan apa-apa notis terlebih dahulu atau memberi apa-apa alasan kepada keputusan tersebut.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi PERKESO melalui talian **03-42645555 / 03-80915100 / 1-300-22-8000**.

## **PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**1 JUN 2020**

### ***DISCLAIMER***

*PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.*